

Harga bahan binaan turun Sept.

PETALING JAYA: Harga bahan binaan termasuk besi, pasir, batu bata dan dinding serta bahan kerja paip bagi kebanyakan kawasan di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak mencatatkan penurunan pada September 2023, lapor Jabatan Perangkaan.

Ketua Perangkawan, Datuk Seri Dr. Mohd. Uzir Mahidin berkata, perbandingan bulanan pada September mencatatkan penurunan indeks harga seunit besi iaitu antara 0.1 peratus dan 4.0 peratus bagi hampir semua kawasan.

Ujarnya, indeks harga seunit keratan keluli dan logam pula kekal tidak berubah bagi hampir kesemua kawasan berbanding bulan lepas kecuali sedikit penurunan dicatatkan di Perak (-0.5 peratus), Pahang (-0.6 peratus) dan Kota Kinabalu (-0.8 peratus).

"Indeks harga seunit simen bagi kebanyakan kawasan pula kekal tidak berubah berbanding Ogos, namun terdapat sedikit peningkatan dicatatkan bagi kawasan Pulau Pinang, Kedah dan Perlis (0.5 peratus), Terengganu dan Kelantan (0.3 peratus), Selangor, Kuala Lumpur, Melaka dan Negeri Sembilan (0.2 peratus).

"Namun, terdapat penurunan harga bagi kawasan Kota Kinabalu (-1.0 peratus). Papan lapis telah merekodkan peningkatan harga iaitu 3.6 peratus bagi semua kawasan di Semenanjung Malaysia, manakala harga kekal tidak berubah bagi semua kawasan di Sabah dan Sarawak," katanya dalam kenyataan.

Menurutnya, purata harga seunit besi terdiri daripada bar bulat keluli lembut dan Mycon 60 high tensile deformed bars adalah RM3,586.98 bagi setiap tan metrik dengan penurunan yang kecil iaitu 0.9 peratus.